

01/04/1997

Komunikasi antara jabatan didakwa lemah

WUJUD beberapa kes ketua eksekutif firma Amerika Syarikat terpaksa menghubungi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri mendapatkan penjelasan sesuatu yang amat biasa seperti kelulusan untuk pekerja asing atau permit kerja.

Keadaan menyedihkan ini berlaku kerana kelemahan komunikasi antara jabatan kerajaan, yang menurut Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (Amcham) sebagai sesuatu yang menghampakan apabila mengurus niaga di Malaysia.

"Ia bukan sesuatu yang janggal apabila diberitahu sesuatu oleh sebuah jabatan atau agensi, kemudian apabila maklumat itu disampaikan kepada sebuah jabatan lain dan diberitahu pula bahawa mereka tidak pernah mendengar dasar atau peraturan terbabit," kata dewan itu dalam memorandumnya di dialog tahunan Miti.

Pegawai tinggi sering kali dipanggil untuk campur tangan dan menangani keadaan yang sepatutnya boleh ditangani dengan mudah di peringkat pentadbiran, kata dewan itu sambil menambah masalah itu sering dibangkitkan oleh anggota Amcham.

Sesetengah rungutan mereka termasuk ketidakcukupan proses pelesenan/permit, mikropengurusan kerajaan, terutama dalam industri pengiklanan dan insurans, ketidakseragaman takrifan peraturan kerajaan dan kelemahan komunikasi antara jabatan kerajaan.

Tetapi yang memberangsangkan, dewan itu menyatakan, Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang dimajukan oleh Malaysia menunjukkan kesungguhan memenuhi keperluan perbadanan dan negara dalam abad ke-21.

Ia bersedia menjadi saluran tambahan bagi maklumat kepada anggota serta syarikat Amerika di rantau ini dan di Amerika Syarikat, tambah dewan itu.

Merujuk penubuhan ibu pejabat operasi (OHQ), Amcham berkata, sistem merundingkan jumlah tetap pegawai asing tidak disesuaikan dengan keperluan operasi serantau dan dengan keperluan untuk pewajaran pentadbiran bagi setiap jawatan yang mungkin menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai lokasi terbaik untuk ibu pejabat serantau.

Amcham mencadangkan, penubuhan sebuah badan penyelaras seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) untuk bertindak sebagai rumah penjelasan dan pihak berkuasa berkaitan proses, tatacara dan keperluan pelesenan untuk pelbagai industri perkhidmatan.

Mengenai usaha yang didakwa akan terus melonggar atau meliberalkan sektor kewangan, dewan itu meminta dihapuskan peluasan minimum 60 peratus kemudahan kredit daripada institusi perbankan milik Malaysia dan membenarkan bank di Labuan beroperasi dengan lebih bebas dari Kuala Lumpur.

(END)